

Disediakan untuk: _____

Tarikh Cetakan: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Smart Home Cover. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Penyelia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Allianz”/”Kami”)
Nama Produk : Smart Home Cover (“Polisi”) - Tahunan atau Berbilang Tahun

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan anda perlindungan untuk bangunan/kandungan anda yang hanya digunakan untuk tujuan kediaman sahaja dan melindungi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, banjir, paip pecah, atau sebarang peril yang disebut dalam polisi insurans.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi :

Seksyen I - EmpunyaRumah (Polisi ini mestilah mengandungi perlindungan EmpunyaRumah ataupun IsiRumah)

- Kerugian atau kerosakan bangunan anda disebabkan kebakaran, kilat dan letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik;
- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan anda disebabkan oleh pesawat udara, kesan kerosakan oleh mana-mana kenderaan jalan raya atau binatang yang tidak dimiliki atau dikawal oleh orang yang diinsuranskan atau mana-mana anggota keluarganya, angin ribut tertakluk kepada klausa lebihan, gempa bumi tertakluk kepada klausa lebihan dan banjir, tidak termasuk kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau tanah runtuh, tertakluk kepada klausa lebihan;
- Jika berlaku kecurian memecah masuk atau keluar dari bangunan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan.
- Tangki atau paip air pecah atau melimpah, kecuali:
 - a) Jumlah lebihan (RM50.00) yang dinyatakan dalam jadual polisi
 - b) Kerosakan yang berlaku dalam keadaan bangunan dibiarkan tanpa pengawasan,
- Liabiliti kepada pihak ketiga untuk kemalangan yang berlaku di harta anda sehingga RM50,000.00;
- Kehilangan sewa (terhad kepada 10% daripada jumlah yang diinsuranskan); dan
- Pembaikan sementara kepada premis sehingga RM500.00 akibat berlakunya kejadian yang diinsuranskan

Seksyen II - IsiRumah (Polisi ini mestilah mengandungi perlindungan EmpunyaRumah ataupun IsiRumah)

- Kerugian atau kerosakan kepada barangan IsiRumah anda disebabkan kebakaran, kilat dan letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik;
- Kerugian atau kerosakan kepada barangan IsiRumah anda disebabkan oleh pesawat udara, kesan kerosakan oleh mana-mana kenderaan jalan raya atau binatang yang tidak dimiliki atau dikawal oleh orang yang diinsuranskan atau mana-mana anggota keluarganya, angin ribut tertakluk kepada klausa lebihan, gempa bumi tertakluk kepada klausa lebihan dan banjir, tidak termasuk kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau tanah runtuh, tertakluk kepada klausa lebihan;
- Jika berlaku kecurian memecah masuk atau keluar dari bangunan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan.
- Tangki atau paip air pecah atau melimpah, kecuali:
 - a) Jumlah lebihan (RM50.00) yang dinyatakan dalam jadual polisi
 - b) Kerosakan yang berlaku dalam keadaan bangunan dibiarkan tanpa pengawasan;
- Liabiliti kepada pihak ketiga untuk kemalangan yang berlaku di harta anda sehingga RM50,000.00;
- Kehilangan sewa (terhad kepada 10% daripada jumlah yang diinsuranskan);
- Kehilangan wang peribadi sehingga RM1,000.00 akibat kecurian atau rompakan dan penahanan (hanya terpakai untuk polisi Berbilang Tahun); dan
- Pembaikan sementara kepada premis sehingga RM500.00 akibat berlakunya kejadian yang diinsuranskan.

Seksyen III - Perlindungan Ansuran Pinjaman Gadai Janji (Manfaat Pilihan dan tertakluk kepada premium tambahan)

Seksyen IV - HomeFix (Manfaat Pilihan dan tertakluk kepada premium tambahan)

- Pembaikan/Perkhidmatan Rumah
- Penjagaan Rumah

Seksyen V - Insurans Tuan Rumah (Manfaat Pilihan dan tertakluk kepada premium tambahan)

Anda boleh memperluaskan perlindungan anda untuk merangkumi risiko berikut dengan membayar premium tambahan:

- Penenggelaman, gelinciran tanah, rusuhan, mogok dan kerosakan yang berniat jahat; dan
- Kenaikan had Liabiliti kepada pihak ketiga untuk kemalangan di rumah anda
- Kerosakan tidak sengaja pada kepingan kaca
- Kenaikan Had Sewa di bawah manfaat kehilangan sewa

Tempoh perlindungan adalah seperti berikut:

- Polisi Tahunan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.
- Polisi Berbilang Tahun adalah untuk tiga (3) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda sekali setiap tiga (3) tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan syarikat insurans:

- Perlindungan Biasa :RM _____ premium untuk jumlah yang diinsuranskan RM _____
- Perlindungan tambahan :RM _____

Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar ialah: RM _____

Polisi ini tertakluk kepada premium minimum berjumlah RM60.00.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	15% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium

Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kepentingan penzahiran**
 - **Kontrak Insurans Pengguna**
Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma, atau penamatan kontrak.
 - **Kontrak Insuran Bukan Pengguna**
Menurut Perenggan 4 (1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal

keadaan itu boleh dijangka untuk tahu adalah berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan penzahiran in bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Anda harus memastikan bahawa harta anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai dengan mengambil kira pengubahsuaian yang telah dibuat kepada harta anda.
- Anda boleh memilih untuk menginsuranskan bangunan anda berdasarkan asas seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah (termasuk kos arkitek dan juru ukur, kos penghapusan serpihan dan kos untuk memenuhi sebarang peraturan bangunan baru atau undang-undang seperti mengemukakan pelan untuk kelulusan) -

	Smart Home Cover - Tahunan	Smart Home Cover -Berbilang Tahun
Asas insurans untuk bangunan anda	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai pengembalian semula; atau nilai pasaran; ATAU • Fasal nilai yang dipersetujui 	<ul style="list-style-type: none"> • Fasal nilai yang dipersetujui

- Fasal nilai yang dipersetujui - Asas penyelesaian bagi kerugian atau kerosakan bangunan anda yang dilindungi di bawah polisi anda akan dikira menggunakan “kalkulator nilai yang dipersetujui” yang telah kami ciptakan untuk membolehkan kami menentukan nilai yang dipersetujui untuk bangunan anda.
- Nilai pengembalian semula - kami akan membayar kos penuh untuk membaiki kerosakan harta tanpa apa-apa potongan untuk haus, lusuh atau susut nilai dengan syarat jumlah yang diinsuranskan adalah mencukupi untuk menampung kos pengembalian harta tersebut.

Nota: Kalkulator Kos Bangunan (BCC) adalah alat yang dicipta oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) untuk membantu orang ramai menentukan kos pembinaan bangunan semasa yang akan diinsuranskan. BCC boleh diakses di <http://www.piam.org.my/consumer/industry-services/building-cost-calculator-bcc/>.

- Untuk Smart Home Cover - polisi Berbilang Tahun, fasal menambah untuk jumlah yang diinsuranskan yang berkenaan adalah sebahagian polisi anda. Bagi setiap Tahun Polisi, jumlah yang diinsuranskan akan dinaikkan setiap hari sebanyak 1/365 daripada kenaikan tiga peratus (3%) setahun daripada jumlah diinsuranskan pada permulaan Tahun Polisi tersebut. Selepas Tahun Polisi pertama, jumlah diinsuranskan pada permulaan setiap Tahun Polisi yang berikutnya adalah jumlah kumulatif yang telah dinaikkan dan terakru pada akhir Tahun Polisi sebelumnya.
- Jumlah yang diinsuranskan mesti dipantau dan disemak secara berkala untuk memastikan ia mewakili nilai penuh hartanah untuk mengelakkan kekurangan insurans, jika tidak penyelesaian tuntutan insurans adalah secara purata.
- Lebihan - amaun yang akan ditanggung oleh pihak yang diinsuranskan sekiranya tuntutan dibuat, adalah terpakai bagi beberapa peril tertentu contohnya pecahan atau limpahan tangki air atau paip, angin ribut, gempa bumi dan banjir.
- Insurans ini tertakluk kepada 60 hari Warranti Premium. Ini bermakna bahawa premium perlu dibayar dan diterima oleh syarikat insurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi insurans. Jika tidak, polisi ini akan dibatalkan secara automatik dan syarikat insurans berhak menerima jumlah premium pro-rata berdasarkan tempoh perlindungan.

6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak meliputi beberapa kerugian tertentu seperti:

- Kehilangan/kerosakan akibat penenggelaman, gelinciran tanah, rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat melainkan premium tambahan dibayar agar perlindungan polisi diperluaskan untuk merangkumi mana-mana kejadian tersebut
- Harta Pembantu Rumah

- Perang, Perang Saudara dan sebarang tindakan Keganasan
- Pembakaran secara Spontan
- Risiko Radioaktif dan tenaga Nuklear
- Pemberhentian Kerja atau Penyitaan
- Tarikh pengiktirafan
- Kerosakan Harta atas data atau perisian
- Kerugian Turutan
- Kehilangan atau kerosakan disebabkan paip pecah semasa bangunan tidak didiami.
- Bahagian 'Liabiliti kepada Orang Awam' tidak melindungi sebarang kecederaan atau kerosakan berkaitan dengan asbestos yang melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, penghapusan, pengalihan atau penghindaran asbestos atau pendedahan atau kemungkinan pendedahan kepada asbestos.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan Polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada syarikat insurans. Setelah pembatalan, anda berhak mendapatkan bayaran balik premium berdasarkan tempoh insurans yang belum tamat tertakluk kepada premium minimum yang akan dikekalkan oleh Kami. Tiada bayaran balik premium dibuat sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah polisi ini.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada pihak Kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi Anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada Anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu perubahan ini kepada ejen berdaftar, cawangan atau khidmat pelanggan Kami.

9. Bagaimanakah cara untuk saya membuat tuntutan?

Anda boleh melawati allianz.com.my untuk mengetahui cara-cara untuk membuat tuntutan. Anda dinasihatkan untuk menghantar sebarang tuntutan (sekiranya ada) kepada Kami secepat mungkin.

10. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kebakaran, Anda boleh menghubungi Kami atau mana-mana cawangan Kami atau lawati www.allianz.com.my.



Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Kami di:


Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Center: 1 300 22 5542

Email: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan kebakaran yang boleh didapati:

- Polisi Kebakaran
- Polisi EmpunyaRumah/IsiRumah.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA HARTA ANDA DIINSURANSKAN DENGAN NILAI YANG SESUAI. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/03/2024.